

Projek penyelidikan universiti selari translasional

HULU SELANGOR - Projek penyelidikan yang dilakukan universiti tempatan dapat memberi manfaat kepada masyarakat selari dengan pelaksanaan penyelidikan translasional pada tahun ini.

Adun Hulu Bernama, Datuk Rosni Sohar berkata, terdapat lima universiti penyelidikan yang melakukan usaha pembudayaan penghasilan penyelidikan berimpak tinggi dan meningkatkan kerjasama bersama industri melalui Pelan Tindakan Keutamaan Penyelidikan 2017.

"Hasil penyelidikan bermanfaat kepada masyarakat bagi meningkatkan kualiti hidup dan ekonomi. Misalnya kejayaan Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang menghasilkan produk inovasi, E-Cutter untuk industri perladangan sawit.

"E-Cutter adalah mesin mudah alih berbentuk kren kecil menggunakan tenaga elektrik yang mempercepatkan kerja mengait buah sawit berbanding secara manual menggunakan alatan biasa," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Penyelidikan Translasional (E-Cutter) UPM bersama Felda Zon Hulu Selangor dan Majlis Rumah Terbuka Felda Sg Tenggi Selatan yang dirasmikan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Idris Jusoh di Dewan Orang Ramai Felda Sungai Tenggi Selatan di sini, semalam.



Idris menunjukkan produk inovasi UPM, E-Cutter iaitu mesin menuai buah dan mencantas pelepah sawit untuk dimanfaatkan peneroka.

INFO

- E-Cutter adalah mesin mudah alih berbentuk kren kecil

menggunakan tenaga elektrik yang mempercepatkan kerja mengait buah sawit berbanding secara manual menggunakan alatan biasa

Menurutnya, teknologi itu berupaya memajukan industri sawit menggunakan inovasi terkini dengan membuat penambahbaikan terhadap teknologi sedia ada bagi memudahkan peladang," katanya.

"Jadi usaha kerajaan melalui

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang menyalurkan peruntukan bagi melaksanakan penyelidikan translasional itu disambut baik masyarakat.

"Malah lima universiti terbabit nanti mampu menjana pulangan hasil daripada pelbagai aspek dan bidang termasuk penerbitan buku, penyediaan latihan serta perkhidmatan pakar runding," katanya.

Rosni berkata, kesemua universiti penyelidikan mempunyai fokus penyelidikan translasional tersendiri yang mampu menjadi penyelesaian kepada isu nasional dan antarabangsa.